

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan
[Temerloh]**

TARIKH : 17 Oktober 2016 (Isnin)

**SOALAN : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan
[Temerloh] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan tahap
jaminan makanan (*food security*) di
negara ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia telah mencapai tahap jaminan bekalan makanan (*self-sufficiency level* – SSL) melebihi 100% bagi komoditi daging ayam/itik dan telur ayam/itik. SSL daging ayam/itik adalah sebanyak 104.5% dan telur ayam/itik adalah sebanyak 113.6%. SSL bagi komoditi agromakanan terpilih yang lain pula adalah seperti berikut:

- | | | |
|------------------------|---|-------|
| i) Beras | = | 72.3% |
| ii) Buah-buahan | = | 80.8% |
| iii) Sayur-sayuran | = | 56.7% |
| iv) Ikan | = | 91.0% |
| v) Daging lembu/kerbau | = | 23.5% |

Dalam hubungan ini, permintaan terhadap komoditi yang rendah bekalan dalam negara akan ditampung melalui import khususnya bagi produk-produk yang tidak boleh dihasilkan dalam negara seperti beras basmati dan japonica, sayur-sayuran seperti bawang dan kentang serta buah-buahan seperti epal, anggur dan oren.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG
TARIKH : 17 OKTOBER 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di kawasan Parlimen Puchong khususnya di Jalan Putra Permai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kesesakan trafik di Puchong adalah berikutan pembangunan yang pesat di sepanjang koridor laluan LDP dan bandar-bandar berhampiran.

Menerusi inisiatif di bawah Greater Kuala Lumpur dan juga sejajar dengan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negara, Kerajaan komited untuk meningkatkan aspek pengangkutan awam di Lembah Klang, khususnya melalui pembinaan projek monorel. Ini dibuktikan melalui projek sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) melibatkan sektor laluan Seri Petaling – Kelana Jaya - Bandar

Puchong yang telah disiapkan dan mula beroperasi pada 1 April 2016 lalu.

Mengenai isu kesesakan di Jalan Putra Permai pula – untuk makluman Ahli Yang Berhormat – kementerian ini sememangnya merancang untuk menaik taraf Jalan Putra Permai (FT3215), Sri Kembangan dalam tempoh masa RMKe11 (2016 – 2020). Skop projek melibatkan naik taraf jalan sedia ada kepada laluan 6 lorong 2 hala dan membina 5 persimpangan bertingkat yang berkaitan. Projek dengan anggaran kos RM400 juta itu telah dimohon tetapi masih belum mendapat kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.